

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI**  
**HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- (a) apakah status pelan induk kecekapan tenaga; dan
- (b) penjimatan dari segi kos pembinaan janakuasa baru yang boleh dielak, kos bahan api untuk penjanaan tenaga elektrik untuk gas dan arang batu dan perbelanjaan Kerajaan untuk kos subsidi gas.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga (NEEAP) telah dikemaskini dan ditambahbaik dengan mengambilkira input dan maklum balas dari pihak pemegang taruh atau *stakeholders* dengan izin. Di antara perkara-perkara utama yang telah dikemaskini ialah sasaran, skop serta kos keperluan peruntukan bagi membiaya pelaksanaan pelan tindakan ini.
2. Seterusnya, draf NEEAP ini telah dijadualkan untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) pada 11 Jun 2015 sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.
3. Sasaran NEEAP adalah untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan mengurangkan kadar pertumbuhan permintaan tenaga. Anggaran penjimatan tenaga elektrik yang boleh dicapai melalui pelaksanaan NEEAP adalah sebanyak 52,233 Giga Watt

jam (GWj) secara kumulatif, dalam tempoh pelaksanaan selama sepuluh (10) tahun. Jumlah penjimatan ini adalah bersamaan dengan penjimatan sebanyak RM18.5 bilion berdasarkan kadar tarif elektrik semasa. Manakala peratus penjimatan permintaan puncak atau *maximum demand* dengan izin, pada tahun kesepuluh (10) pelaksanaan NEEAP adalah sebanyak 8.0%.

4. Berdasarkan anggaran pengurangan permintaan puncak, jumlah kos pelaburan bagi pembinaan loji jana kuasa pada tahun ke 10 adalah di antara RM6 billion hingga RM15 billion. Anggaran ini adalah tertakluk kepada jenis loji jana kuasa, sama ada loji arang batu atau loji jana kuasa gas.
5. Anggaran perbelanjaan kerajaan untuk kos subsidi gas yang dapat dijimatkan ialah sebanyak RM3.5 bilion setahun. Pengiraan kos subsidi gas adalah berdasarkan harga pasaran gas semasa.
6. Walaupun NEEAP belum dilancarkan, pelbagai inisiatif kecekapan tenaga telahpun dilaksanakan di negara ini. Antaranya, Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap (PPTEC) 2008 telah dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Tenaga semenjak 2008. Di bawah PPTEC 2008, pengguna yang menggunakan tenaga

elektrik melebihi 3 juta kWj untuk tempoh 6 bulan berturut-turut perlu melantik Pengurus Tenaga Elektrik berdaftar untuk memantau dan menasihati pemunya pemasangan dalam hal-hal berkaitan penggunaan tenaga elektrik dengan cekap. Kini terdapat seramai 550 Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar di negara ini.

7. Selain daripada penguatkuasaan PPTTEC 2008, kerajaan juga telah meminda Peraturan Elektrik 1994 bagi memandatorikan pelaksanaan Standard Prestasi Tenaga Minimum atau *Minimum Energy Performance Standard* (MEPS) yang telah diwartakan pada 3 Mei 2013. Pewartaan MEPS ini membolehkan pelaksanaan penarafan kecekapan tenaga dan pelabelan cekap tenaga ke atas 5 jenis peralatan elektrik iaitu kipas domestik, peti sejuk, televisyen, penghawa dingin dan lampu. Penguatkuasaan peraturan MEPS dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan hanya peralatan elektrik yang mematuhi keperluan Standard Prestasi Tenaga Minimum sahaja yang boleh diimport, dijual dan dikilang di negara ini.
8. Program-program lain yang telah dilaksanakan termasuklah kempen-kempen kesedaran kecekapan tenaga di seluruh negara, insentif fiskal bagi peralatan cekap tenaga, skim pembiayaan

projek kecekapan tenaga melalui dana Teknologi Hijau, program audit ke atas industri berintensifkan tenaga dan bangunan kerajaan, pemasangan lampu cekap tenaga di bangunan-bangunan kerajaan, pembangunan kapasiti industri kecil dan sederhana dalam bidang kecekapan tenaga, dasar suhu 24 darjah celcius di bangunan kerajaan, program rebat kelengkapan cekap tenaga, skim penarafan *Green Building Index* (GBI) bagi bangunan-bangunan cekap tenaga dan pendaftaran *Energy Service Companies* (ESCOs) oleh Suruhanjaya Tenaga.

\*\*\*\*\*